

## **AL-SAMAHAH DALAM ILMU HADIS DIRAYAH**

A. Irwan Santeri Doll Kawaid al-Nadawi  
Zulhilmi Mohamed Nor  
Shumsudin Yabi  
Universiti Sains Islam Malaysia

### **ABSTRAK**

*Al-Samahah adalah salah satu prinsip yang penting dalam Islam. Prinsip tersebut mencerminkan agama Islam sebagai agama yang mudah dan meraikan keutamaan dan kemudahan. Namun ia sama sekali tidak bermaksud bahawa agama Islam itu sebuah agama yang tidak mempunyai ketegasan, tetapi menggambarkan bahawa agama Islam adalah sebuah agama yang relevan yang meraikan keadaan. Prinsip tersebut telah diaplikasikan oleh ulama Islam bukan sahaja dalam cara beragama, malah dalam semua perkara berkaitan agama sehingga ke dalam disiplin ilmu. Ilmu Hadis adalah antara disiplin ilmu Islam yang tidak terkecuali mengaplikasikan konsep al-Samahah. Disiplin ilmu ini mempunyai beberapa syarat yang ketat dalam penerimaan sesuatu hadis. Namun begitu, di sebalik syarat-syarat yang ketat tersebut, terdapat beberapa keadaan yang menunjukkan bahawa disiplin ilmu ini mengaplikasikan prinsip al-Samahah. Kertas kerja ini cuba mengupas aspek al-Samahah yang terdapat di dalam Ilmu Hadis Dirayah dengan membawakan beberapa contoh berkaitan dengannya.*

**Kata kunci:** ilmu hadis, dirayah, toleransi.

### **Pendahuluan**

*al-Samahah* dari sudut bahasa boleh diertikan sebagai sifat pemurah dan mudah.<sup>1</sup> Adapun dari sudut istilah, Imam al-Jurjani mendefinisikannya sebagai melakukan sesuatu kebaikan yang tidak wajib kerana sifat kemurahan hati.<sup>2</sup> Definisi beliau ini dilihat ada sandarannya kepada beberapa nas sama ada yang jelas atau tidak daripada Quran dan Sunnah. Antaranya sabda Nabi SAW:

أحب الدين إلى الله الحنيفية السمحة

---

<sup>1</sup> Mustafa, Ibrahim et al. (1996). *al-Mu'jam al-Wasit*. Deoband: Kutub Khanah Husainiah. hlm. 448.

<sup>2</sup> Al Jurjaniy, Ali bin Muhammad al-Jurjani, Kitab Ta'rifat, Jeddah: al-Khimain, 1421H. hlm 121.

*Maksudnya: “Agama yang paling disukai Allah adalah yang tidak menyekutukan Allah dan mudah”.<sup>1</sup>*

Dalam hadis lain baginda bersabda:

*رحم الله رجلا سمحا إذا باع وإذا اشترى وإذا اقتضى*

*Ertinya: “Allah merahmati orang yang mudah ketika menjual, membeli dan menghukum”.<sup>2</sup>*

Ibnu Hajar ketika menghuraikan hadis ini berkata: “Di dalam hadis ini terdapat galakan untuk mempermudah ketika berjual beli, mengamalkan akhlak yang mulia, meninggalkan perdebatan, mengelakkan menyulitkan orang lain dan menerima keuzuran mereka”.<sup>3</sup>

Terdapat dalil-dalil lain yang menunjukkan bahawa agama Islam mementingkan kemudahan dan tidak suka menyulitkan urusan manusia. Antaranya:

Firman Allah s.w.t.:

*وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ<sup>4</sup>*

*Ertinya: Dia (Allah s.w.t.) tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama.*

Dan Sabda Nabi s.a.w.:

*إن الدين يسر ولن يشاد الدين أحد إلا غلبه*

*Ertinya: Sesungguhnya agama ini adalah mudah. Sesiapa yang menyulitkannya ke atas dirinya dia akan kalah.<sup>5</sup>*

Sabda Nabi s.a.w.:

*يسروا ولا تعسروا وبشروا ولا تنفروا- متفق عليه*

*Ertinya: “Permudahkanlah dan jangan menyulitkan. Sampaikan perkara-perkara yang menyenangkan dan janganlah*

<sup>1</sup> Direkodkan oleh al-Tabari, al-Mu’jam al-Awsat. jld. 7, hlm. 229. Nombor hadis 7351.

<sup>2</sup> Direkodkan oleh al-Bukhari, Shahih al-Bukhari. jld. 3, hlm. 57. Nombor hadis 2076.

<sup>3</sup> Ibn Hajar, Ahmad bin ‘Aliyy (1999), *Fath al-Bariyy*. Kaherah: Dar al-Manar. jld. 1, hlm. 134.

<sup>4</sup> Surah al-Hajj. Ayat 78

<sup>5</sup> Direkodkan oleh al-Bukhari, Shahih al-Bukhari. jld. 1, hlm. 16. Nombor hadis 39.

*menyampaikan perkara yang membuat orang lari daripada agama”.*<sup>1</sup>

Daripada dalil-dalil di atas dan beberapa dalil lain dalam Quran dan Sunnah dapat difahami bahawa selain mempunyai ciri-ciri adil, benar, relevan dan univesial, Islam juga mempunyai sifat *al-Samahah*.

Sifat *al-Samahah* adalah satu ciri akhlak Islam utama. Lantaran kepentingannya, banyak hukum Islam telah dibina atas prinsip ini. Seperti prinsip *al-Taysir*, *al-Suhulah*, *Adam al-Haraj* dan *al-Rukhsah*. *Al-Rukhsah*, iaitu satu hukum yang membenarkan satu amalan dilakukan walaupun pada asalnya bercanggah dengan dalil yang wujud disebabkan terdapatnya sesuatu keuzuran<sup>2</sup>. Ia juga diterjemahkan sebagai keringanan, iaitu hukum yang membolehkan suatu perkara yang dilarang dilakukan walaupun ia bercanggah dengan dalil yang ada berdasarkan pertimbangan-pertimbangan tertentu yang membuatkan sesuatu hukum yang berat menjadi ringan. Asas pertimbangan seperti inilah yang disifatkan *al-Samahah*.

Maksud mempermudah dalam Islam bukanlah bermakna mengutamakan perkara-perkara mudah dan mengentetepikan perkara yang fundamental. Tetapi maksudnya tidak menyulitkan dalam pelaksanaan perkara yang fundamental.<sup>3</sup>

Perkataan *al-Tasamuh* yang bermaksud toleransi atau tolak ansur juga berasal daripada perkataan *al-Samahah*. Toleransi dapat diertikan sebagai sifat berlapang dada yang tidak mempunyai unsur kekerasan.<sup>4</sup>

## **Ilmu Hadis**

Ilmu hadis adalah satu disiplin ilmu yang dibina bertujuan memelihara hadis-hadis Nabi SAW daripada dicemari elemen yang salah yang boleh merubahnya atau menokok tambahannya sama ada secara sengaja atau tidak.<sup>5</sup> Ia juga bertujuan untuk mendidik dan memudahkan orang ramai memahami keadaan-keadaan hadis agar mereka boleh mengamalkan isi kandungannya dan mengetahui cara meriwayatkannya. Atas sebab-sebab inilah ilmu ini diberi perhatian besar oleh

---

<sup>1</sup> Direkodkan oleh al-Bukhari, Shahih al-Bukhari. Ibid, jld. 1, hlm. 25. Nombor hadis 69 dan Muslim, *Shahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi jld. 3, hlm. 1359. Nombor hadis 1734.

<sup>2</sup> Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam- Kuwait. 1427H. Mautu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah. jld. 2, hlm. 5706.

<sup>3</sup> Al-Lahyadan, Abdullah bin Ibrahim, t.t., Samahah al-Islam fi Mu'amalat Ghair al-Muslimin. [https://d1.islamhouse.com/data/ar/ih\\_books/single9/ar\\_sma7t\\_Al\\_Islam.pdf](https://d1.islamhouse.com/data/ar/ih_books/single9/ar_sma7t_Al_Islam.pdf). Dilihat pada 11/08/2016.

<sup>4</sup> Hikmat bin Basyir, t.t., Samahah al-Islam fi al-Ta'amul ma'a Ghair al-Muslimin.

<sup>5</sup> Abu Syahbah. 1403H. al-Wasit fi 'Ulum wa Mustalah al-Hadith. Dar al-Fikr al-'Arabiyy. hlm. 23.

ramai ulama Islam terutamanya kerana perkaitannya yang besar dengan sumber kedua umat Islam iaitu Nabi SAW.

Oleh kerana fungsi utamanya iaitu penjagaan terhadap hadis-hadis Nabi SAW, banyak syarat yang tegas diletakan dalam menerima sesuatu hadis atau menolaknya. Syarat-syarat tersebut adalah: (i) sanad yang bersambung sanadnya, (ii) diriwayatkan oleh para perawi yang bersifat 'Adalah dan (iii) *Dabt*, (iv) tidak terdapat *Syuzuz* dan (v) 'Illah pada matan dan sanadnya.<sup>1</sup>

Syarat-syarat tersebut dibuat pada asalnya adalah bagi mengekang periwayatan perawi yang tidak jujur atau yang mempunyai masalah dalam periwayatannya. Ia pada asalnya tidak wujud pada zaman Nabi s.a.w. dan para sahabat. Kerana pemalsuan dan kesilapan hadis tidak pernah berlaku ketika Rasulullah s.a.w. masih hidup.<sup>2</sup> Para sahabat, jika mereka tidak pasti atau ragu terhadap sesuatu hadis mereka boleh bertanya sendiri daripada Nabi SAW.<sup>3</sup> Selepas kewafatan Rasulullah SAW dan setelah berlakunya pembunuhan Saidina Usman RA yang mengakibatkan perpecahan umat Islam, juga mengakibatkan timbulnya golongan pereka hadis yang mula mereka hadis untuk kepentingan kumpulannya, bermulalah penekanan yang begitu kuat tentang kepentingan menilai kesahihan sanad. Tambahan lagi, penulisan hadis belum sempurna lagi pada masa tersebut.

Ibn Sirin sebagai salah seorang tokoh ulama hadis dari kalangan *tabi'in* berkata:

*"Sesungguhnya mereka (periwayat hadis) tidak bertanyakan tentang sanad sesuatu hadis, tetapi apabila setelah berlakunya fitnah (pembunuhan 'Uthman RA) mereka berkata, nyatakanlah kepada kami nama rijal (periwayat hadis) kamu, maka dilihat kepada (periwayatan) dari kalangan Ahli Sunnah, dan kata-katanya diterima, dan dilihat kepada (periwayatan) dari kalangan ahli al-Bid'ah, maka kata-kata mereka tidak diterima".<sup>4</sup>*

Syarat-syarat tersebut dibuat agar hadis-hadis Nabi SAW selamat daripada periwayatan yang salah, sama ada secara sengaja atau tidak. Ia juga dibuat agar segala penyebaran berkaitan hadis Nabi SAW, malah apa-apa perkara yang berkaitan agama tidak diambil mudah dan diambil ringan oleh sesiapa sahaja.

---

<sup>1</sup> Ibn Salah, 'Utman bin 'Abd al-Rahman. 2001. *al-Muqaddimah*. Beirut: al-Maktabah al-Ashriyyah, hlm. 13.

<sup>2</sup> Al-Subkiyy, 'Abd al-Wahhab bin Ali 1413H, *Tabaqat al-Syafi'iyyah al-Kubra*, 1990, Hajar, jld. 9, hlm. 112. Al-Zahabiyy, Muhammad bin Ahmad 1990, Bierut: Dar al-Baysair., *Zikr Man Yu'tamadu Qauluhu fi al-Jarh wa al-Ta'dil*. Hlm. 45-46.

<sup>3</sup> Ahmad bin Umar. T.t. *Kitabah al-Sunnah al-Nabawiyah fi 'Ahd al-Nabiyy sllallahualhiwasallam wa al-Sahabah wa Atharuha fi Hifz al-Sunnah al-Nabawiyah*. Majma' Malik al-Fahd. Hlm. 24.

<sup>4</sup> Muslim, op cit. jld 1, hlm 13.

Syarat sanad yang bersambung diwujudkan bagi memastikan bahawa para perawi yang meriwayatkan hadis dikenali dan diyakini keperibadiannya dan keadaannya. Maka untuk itu setiap perawi perlu menyebut nama orang yang menyampaikan hadis kepadanya dan tidak menyembunyikannya. Jika seorang perawi tidak menyebut nama orang yang menyampaikan hadis kepadanya, sama ada untuk menyembunyikan identitinya atau atas sebab lain, dikhuatiri orang yang tidak disebut namanya berkemungkinan adalah orang yang tidak mencapai tahap kelayakan untuk meriwayatkan hadis. Iaitu sama ada dia adalah seorang yang daif dari sudut keperibadiannya (*'Adalah*) atau pun dari sudut penjagaan terhadap hadis (*dabt*), atau dia sendiri yang tidak mendengar hadis tersebut daripada sesiapa, malah hadis itu adalah rekaannya sendiri. Maka hadis yang terdapat nama perawinya dalam sanad tidak disebut diistilahkan sebagai terputus. Hadis yang terputus sanadnya dianggap dhaif disebabkan terdapat keraguan pada peribadi perawi yang tidak disebut namanya.

*Al-'Adalah* (العدالة) adalah satu sifat yang bererti budi pekerti yang baik dan bertakwa<sup>1</sup>. Sifat ini mempunyai beberapa ciri tertentu. Ciri-ciri tersebut adalah seperti berikut:

1. Beragama Islam
2. Baligh
3. Berakal
4. Tidak fasik amalan atau akidah.
5. Menjaga Muruah (المروءة)<sup>2</sup>.

Syarat-syarat ini diletakkan bagi memastikan para perawi yang meriwayatkan hadis perlu mempunyai keperibadian Islam yang unggul. Kerana, jika seseorang perawi tidak mempunyai keperibadian Islam yang unggul, kebarangkalian berlaku manipulasi dan keberanian memalsukan hadis atas dorongan peribadi boleh berlaku.

Fasik terdapat dua jenis: 1) Fasik Amalan: Iaitu melakukan dosa besar atau berterusan melakukan dosa kecil dan tidak bertaubat. 2) Fasik Akidah:

Ulama mengkategorikan orang yang fasik akidah kepada dua jenis:

- 1) Fasik dengan *Bid'ah Mufassiqah*: iaitu bid'ah yang tidak akan menyebabkan seorang itu menjadi kafir. Contohnya menuduh tiga khalifah sebelum Saidina Ali r.a. sebagai berdosa kerana merampas hak Saidina Ali r.a. sebagai khalifah.

---

<sup>1</sup> Ibn Hajar, Ahmad bin 'Ali al-'Asqalani. 1997. *Nuzhah al-Nazar fi Taudih Nukhbah al-Fikar*. 'Amman: Maktabah al-Risalah al-Hadithah, hlm. 69.

<sup>2</sup> Ibn Salah, op cit, hlm. 104.

- 2) Fasik dengan *Bid'ah Mukaffirah*: iaitu bid'ah yang menyebabkan seorang itu menjadi kafir. Seperti menganggap Saidina Ali r.a. adalah jelmaan tuhan di muka bumi.<sup>1</sup>

Para ulama tidak menerima hadis perawi yang fasik dengan *bi'dah mukaffirah* dan menerima riwayat perawi yang fasik dengan *bid'ah mufassiqah* dengan syarat-syarat tertentu. antaranya dia tidak menyeru atau mengajak orang lain menyokong pandangannya atau menganut fahamannya.<sup>2</sup>

*Al-Dhabt* dari sudut bahasa adalah ikatan. Dari sudut istilah pula adalah kemampuan seorang perawi dalam menyampaikan sesuatu hadis yang diterimanya dengan sempurna walaupun hanya dari sudut maknanya sahaja.<sup>3</sup> Kesempurnaan di sini bermaksud tidak berlaku kesalahan atau kecacatan yang ketara dalam periwayatannya. Maksud syarat ini adalah seorang perawi itu perlu yang mempunyai *dhabt* yang kuat atau elok sebagai perawi hadis sahih.

Tidak terdapat *al-Syuzuz* (الشذوذ). *al-Syuzuz* ialah suatu percanggahan periwayatan di antara seorang perawi yang *thiqah* dengan periwayatan perawi-perawi *thiqah* yang lain.<sup>4</sup>

Tidak terdapat 'Illah (العلة) 'Illah pula ialah suatu kesilapan halus yang terdapat dalam sesuatu *Hadis* yang menyebabkannya dianggap bermasalah.<sup>5</sup>

### **Ketegasan dalam Ilmu hadis**

Ilmu ini mempunyai beberapa ketegasan yang menolak hadis-hadis yang diriwayatkan dengan cara yang tidak memenuhi syarat tadi.

Antara contoh ketegasan dalam ilmu ini iaitu Hadis *al-Mursal*, Hadis *al-Mursal* ialah hadis yang diriwayatkan oleh al-Tabi'i tanpa menyebut nama sahabat dalam sanad sesuatu hadis.<sup>6</sup> Hadis jenis ini dianggap dhaif bukan kerana dikhuatiri bahawa sahabat yang tidak disebut namanya adalah seorang dhaif. Kerana para sahabat telah disepakati oleh ulama adalah *thiqah*.<sup>7</sup> Tetapi adalah kerana dikhuatiri terdapat dua orang perawi yang digugurkan namanya dalam sanad. Iaitu bukan hanya seorang

---

<sup>1</sup> Kafiyy, Abu Bakr. 2000. *Manhaj al-Bukariyy*. Beirut: Dar Ibn Hazm. hlm 101.

<sup>2</sup> Ibn Salah, op cit, hlm.114.

<sup>3</sup> *Dhabt* terbahagi kepada dua: *Dhabt Sadr* (ضبط صدر) : iaitu kemampuan perawi dalam menyimpan sesuatu hadis dalam ingatan dan menyampaikannya sepertimana dia mendengarnya. *Dhabt Kitab* (ضبط كتاب) : iaitu kemampuan perawi dalam menyimpan sesuatu hadis dalam catatan tulisan dan menyampaikannya sepertimana dia mendengarnya setelah dia memeliharanya atau mencatatkannya. Ibn Hajar, op cit, hlm. 69.

<sup>4</sup> Abu Syahbah, op cit. hlm. 228.

<sup>5</sup> Ibid. hlm. 228.

<sup>6</sup> Ibid. hlm. 281.

<sup>7</sup> Ibn Salah, op cit, hlm. 56.

sahabat. Tetapi berkemungkinan terdapat seorang tabii lain setelah sahabat tadi. Oleh kerana berkemungkinan tabii lain yang tidak disebutkan nama itu yang dhaif, maka erana itulah sebab itu hadis jenis ini dianggap dhaif.<sup>1</sup>

Para ulama berselisih pandangan terhadap kedudukan Hadis Mursal, Imam al-Syafie menganggap *Mursal Kibar al-Tabi'in* sahaja boleh diterima dan dijadikan hujah jika ada hadis lain yang menyokongnya atau disandarkan dengan kata-kata sahabat. Mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali menganggapnya Sahih dan boleh berhujah dengannya dengan syarat perawi yang melakukan *Irsal* adalah *Thiqah* kerana orang yang *Thiqah* tidak akan meriwayatkan kecuali daripada orang yang *Thiqah* juga. Tetapi jumbuh ulama menganggapnya daif dan ditolak kerana keadaan perawi yang digugurkan tidak dapat dikenalpasti. Walaupun *Irsal* tersebut dilakukan oleh tabi'i daripada *Kibar al-Tabi'in*.<sup>2</sup>

Contoh yang lain, apabila seorang perawi tidak menamakan dengan jelas nama perawi yang menyampaikan hadis kepadanya. Malah dia hanya menggunakan gelaran-gelaran yang menunjukkan bahawa orang yang menyampaikan hadis kepadanya adalah orang yang *thiqah*. Contohnya dia berkata “telah menyampaikan kepadaku hadis ini seorang *thiqah*”. Hadisnya tetap dianggap dhaif. Pengakuan perawi yang mengambil riwayat daripadanya bahawa orang yang menyampaikan kepadanya hadis tersebut seorang *thiqah* tidak diterima kerana tidak dapat dikenal pasti peribadi sebenar perawi tersebut.<sup>3</sup>

Begitu juga apabila seorang perawi didapati pernah menipu dalam kata-kata sehariannya selain daripada meriwayatkan hadis Nabi SAW. maka semua periwayatannya ditolak dan dianggap dhaif<sup>4</sup>. Dia dianggap sebagai *al-Matruk*. Iaitu perawi yang ditinggalkan. Segala pengriwayatannya tidak diterima sama sekali walaupun tidak terdapat bukti bahawa dia pernah menipu dalam meriwayatkan hadis. Kedhaifan hadisnya dikira jenis berat dan ia tidak boleh membantu hadis dhaif lain untuk diangkat menjadi *al-Hasan li Ghairih* malah ia sendiri tidak diangkat menjadi *al-Hasan li Ghairih*<sup>5</sup>. Tidak kira sama ada dia benar dalam pengriwayatannya ataupun tidak.

Apabila seseorang perawi didapati cenderung kepada salah satu aliran fahaman yang menyeleweng, jika dia didapati bukan sahaja menganut fahaman itu malah dia menyebarkan fahamannya kepada orang lain dan di dalam pengriwayatannya

---

<sup>1</sup> Abu Syahbah, op cit. hlm. 282.

<sup>2</sup> 'Itir, Nuruddin, *Manhaj al-Naqd 'ind al-Muhaddithin*. Beirut: Dar al-Fikr. Hlm 371.

<sup>3</sup> Al-Jadi', 'Abd Allah Yusuf, 2003. *Tahrir Ulum al-Hadith*. Beirut: Muassasah al-Rayyan. Jld. 2. Hlm. 977.

<sup>4</sup> Abu Syahbah, op cit. hlm. 299.

<sup>5</sup> Istilah *al-Hasan li Ghairih* adalah satu istilah yang menunjukkan hadith tersebut pada asalnya adalah dhaif. Tetapi ia boleh dinaik tarafkan menjadi *hasan* kerana kewujudan sanad-sanad lain yang sama taraf atau lebih baik yang sama lafaz atau makna sahaja yang menyokongnya. 'Itir, op cit, hlm 270.

terdapat unsur-unsur fahamannya dia dianggap dhaif jenis berat. Perwayatannya turut ditolak. Kedhaifan hadisnya dikira jenis berat dan ia tidak boleh membantu hadis dhaif lain untuk diangkat menjadi *al-Hasan li Ghairih* malah ia sendiri tidak diangkat menjadi *al-Hasan li Ghairih*. Puncanya adalah dibimbangi dia memanipulasikan hadis yang diriwayatkannya untuk kepentingan fahamannya atau aliran yang dia ikuti. meskipun dia dikenali sebagai seorang yang benar dan tidak dikenali sebagai seorang penipu.

Contoh-contoh ini menunjukkan ketegasan dalam ilmu ini.

### **Al-Samahah dalam ilmu hadis**

Meskipun terdapat ketegasan dalam ilmu ini, sepertimana contoh-contoh yang ditunjukkan tadi, terdapat beberapa keadaan yang menunjukkan bahawa ilmu ini juga mengamalkan konsep *al-Samahah*. Iaitu tolak ansur. Antara contoh penerapan konsep tersebut dalam ilmu ini:

Hadis dhaif pada asal hukumnya ditolak disebabkan terdapat keraguan pada pengsabitannya ia diucapkan, dilakukan atau diperakukan oleh Nabi SAW. Puncanya ialah sama ada kerana terdapat seorang atau lebih perawi yang lemah, sama ada disebutkan namanya atau tidak dalam sanad. Kelemahan tersebut sama ada dari sudut keperibadian atau dari sudut penjagaannya terhadap hadis (dhabt). Tetapi, menurut para ulama, kedhaifan terbahagi kepada dua. Iaitu yang ringan dan yang berat. Kedhaifan yang ringan adalah kedhaifan yang disebabkan terputus sanad, *al-Mastur*, *al-Ikhtilat* atau sifat lupa yang ringan<sup>1</sup> dan kedhaifan yang berat pula adalah disebabkan mereka-reka hadis, dituduh mendusta dan sifat lupa yang teruk<sup>2</sup>. Kedhaifan yang ringan boleh dinaik tarafkan menjadi hasan iaitu *al-Hasan li Ghairih* apabila terdapat jalur lain yang sama taraf dengannya atau yang lebih baik taraf daripadanya yang meriwayatkan hadis yang sama.<sup>3</sup>

Keharusan ini menunjukkan sifat samahah dalam penerimaan riwayat. Walaupun pada asalnya mereka menolak hadis yang diriwayatkan dengan cara yang lemah. Tetapi mereka memberi keharusan pada keadaan tertentu seperti yang disebutkan tadi.

Jika seorang perawi didapati cenderung kepada salah satu aliran fahaman yang menyeleweng, riwayatnya akan ditolak sepertimana yang telah disebutkan tadi. Hadisnya dianggap dhaif dengan kedhaifan jenis berat kerana dibimbangi si perawi memanipulasikan hadis yang diriwayatkannya untuk kepentingan fahamannya atau aliran yang dia ikuti. Pengriwayatannya tidak boleh diangkat menjadi *al-Hasan li Ghairih*. Perawi tersebut dianggap '*al-Mubtadi*'. Tetapi kebanyakan ulama

---

<sup>1</sup> Ibn Hajar, op cit, hlm. 129.

<sup>2</sup> Al-Hitiyy. Mahir Yasin Fahl. Athar 'Ilal al-Hadith fi Ikhtilaf al-Fuqaha'.

<sup>3</sup> Ibn Hajar, op cit, hlm. 129.

memberi keringanan dalam perkara ini dengan menerima hadis perawi ‘*al-Mubtadi*’ dengan syarat dia tidak mengajak orang lain menganut fahamannya dan periwayatannya tidak mengandungi prinsip alirannya malah bercanggah dengannya. Maka hadisnya diterima.<sup>1</sup>

Hadis *al-Majhul* ialah hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang tidak dikenali atau diketahui keadaan peribadinya yang sebenar.<sup>2</sup> Hadis ini dikategorikan sebagai dhaif kerana wujud ketidakpastian terhadap keadaan perawi, adakah dia seorang yang thiqah atau dhaif. Riwayat perawi ini menurut pandangan kebanyakan ulama adalah dalam kategori daif yang ringan. Perawi *al-Majhul* adalah dhaif dan riwayatnya juga dhaif. Ibn Hibban (wafat 354H) pula berpendapat bahawa perawi *al-Majhul* tidak semestinya dhaif. Baginya, mereka adalah thiqah kerana asal keadaan orang Islam adalah thiqah. Selagi tiada bukti yang menunjukkannya sebagai dhaif maka mereka tidak boleh dianggap dhaif.<sup>3</sup> Pandangan beliau ini tidak dipersetujui oleh ramai ulama lain dan mereka menganggap beliau sebagai ulama yang mempunyai metodologi yang lemah (Mutasahil).<sup>4</sup> Meskipun begitu pandangannya dalam keadaan-keadaan digunakan oleh ulama lain seperti Ibn Hajar, terutamanya ketika tiada lansung komentar positif ke atas perawi.<sup>5</sup>

## **Kesimpulan**

Ilmu hadis dirayah, adalah satu ilmu yang mempunyai sifat ketegasan dalam menerima sesuatu hadis Nabi SAW. Namun, meskipun mempunyai ketegasan tersebut, ilmu ini juga menerapkan konsep al-Samalah yang bermaksud tolak ansur dan memudahkan. Penerapan konsep tersebut dapat di lihat daripada contoh-contoh yang telah diberikan tadi. Seperti dalam masalah penerimaan riwayat perawi al-Mubtadi’ dan perawi al-Majhul dan keharusan menaikkan dahis dhaif menjadi al-Hasan li Ghairihi.

## **Bibliografi**

- Abu Syahbah. 1403H. *al-Wasit fi ‘Ulum wa Mustalah al-Hadith*. Dar al-Fikr al-‘Arabiyy.
- Ahmad bin Umar. T.t. *Kitabah al-Sunnah al-Nabawiyyah fi ‘Ahd al-Nabiyy sllallahualaihiwasallam wa al-Sahabah wa Atharuha fi Hifz al-Sunnah al-Nabawiyyah*. Majma’ Malik al-Fahd.
- al-Bukhari, Shahih al-Bukhari..
- Ibn Hajar, Ahmad bin ‘Ali al-‘Asqalani. 1999, *Fath al-Bariyy*. Kaherah: Dar al-Manar.

---

<sup>1</sup> Ibn Salah, op cit, hlm. 114.

<sup>2</sup> al-Tahhan, Mahmud, 2004, *Taysir Mustalah al-Hadith*, hlm. 150.

<sup>3</sup> Ibn Hajar, 2002. *Lisan al-Mizan*, Dar-al-Basyair al-Islamiyyah. jil. 1, hlm. 14.

<sup>4</sup> *Ibid*, jil. 1, hlm. 14.

<sup>5</sup> Al-Wadi’I, Muqbil bin Hadiyy. 2004. *Al-Muqtarah fi Ajwabati Ba’dh Asilah al-Mustalah*. Yaman: Dar al-Athar. hlm. 47.

- Ibn Hajar, Ahmad bin °Ali al-°Asqalani. 1997. *Nuzhah al-Nazar fi Taudih Nukhbah al-Fikar*. °Amman: Maktabah al-Risalah al-Hadithah.
- Ibn Hajar, Ahmad bin °Ali al-°Asqalani. 2002. *Lisan al-Mizan*, Dar-al-Basyair al-Islamiyyah.
- Hikmat bin Basyir, t.t., Samahah al-Islam fi al-Ta’amul ma’a Ghair al-Muslimin.
- Al-Hitiyy. Mahir Yasin Fahl. Athar ‘Ilal al-Hadith fi Ikhtilaf al-Fuqaha’.
- ‘Itir, Nuruddin, Manhaj al-Naqd ‘ind al-Muhaddithin. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Jadi’, ‘Abd Allah Yusuf, 2003. Tahrir Ulum al-Hadith. Beirut: Muassasah al-Rayyan.
- Al Jurjaniy, Ali bin Muhammad al-Jurjani, Kitab Ta’rifat, Jeddah: al-Khimain, 1421H.
- Muslim, *Shahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi
- Mustafa, Ibrahim et al. (1996). *al-Mu’jam al-Wasit*. Deoband: Kutub Khanah Husainiah.
- al-Tabari, al-Mu’jam al-Awsat..
- Kafiyy, Abu Bakr. 2000. *Manhaj al-Bukariyy*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Kementerian Wakaf dan Hal Ehwat Islam- Kuwait. 1427H. Mausu’ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah.
- Ibn Salah, ‘Utman bin ‘Abd al-Rahman. 2001. *al-Muqaddimah*. Beirut: al-Maktabah al-°Ashriyyah,
- Al-Subkiyy, ‘Abd al-Wahhab bin Ali 1413H, *Tabaqat al-Syafi’iyyah al-Kubra*, 1990, Hajar.
- Al-Wadi’I, Muqbil bin Hadiyy. 2004. *Al-Muqtarah fi Ajwibati Ba’dh Asilah al-Mustalah*. Yaman: Dar al-Athar.
- Al-Zahabiyy, Muhammad bin Ahmad 1990, Bierut: Dar al-Baysair, *Zikr Man Yu’tamadu Qauluhu fi al-Jarh wa al-Ta’dil*.
- Al-Lahyadan, Abdullah bin Ibrahim, t.t., Samahah al-Islam fi Mu’amalat Ghair al-Muslimin.  
[https://d1.islamhouse.com/data/ar/ih\\_books/single9/ar\\_sma7t\\_Al\\_Islam.pdf](https://d1.islamhouse.com/data/ar/ih_books/single9/ar_sma7t_Al_Islam.pdf)  
. Dilihat pada 11/08/2016.